

13/01/1999

Rumah PKNS tiada diskaun

Orang Bangi

KEMPEN Pemilikan Rumah yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah satu peluang keemasan kepada pembeli dan pemaju.

Pembeli ditawarkan diskaun sehingga 20 peratus dan kelayakan pinjaman mereka dinaikkan sehingga 95 peratus. Dengan diskaun yang ditawarkan dan juga kemudahan pinjaman, tidaklah menghairankan kempen ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan.

Saya dan sepupu saya adalah antara beribu-ribu orang yang mencari peluang untuk memiliki sebuah rumah di Lembah Klang. Oleh kerana kami berdua bekerja dan tinggal di Bandar Baru Bangi dan ingin memiliki rumah kami sendiri di sini.

Bagaimanapun, kami agak kecewa apabila projek perumahan rumah teres dua tingkat yang dilancarkan di Bandar Baru Bangi oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) tidak menawarkan sebarang diskaun. Rumah-rumah teres dua tingkat ini adalah berharga dari RM155,000 dan lebih.

Oleh kerana tempat kerja kami adalah berdekatan, kami betul-betul ingin membeli rumah kami sendiri di Bandar Baru Bangi. Seterusnya, apabila PKNS melancarkan projek perumahan itu, kami terus merebut peluang keemasan ini dengan menandatangani borang untuk membeli rumah berkenaan.

Sekali lagi kami dikecewakan apabila mendapat tahu bahawa rumah yang dibina oleh PKNS ini hanya dilengkapi dengan lantai simen di kedua-dua tingkat.

Saya merayu kepada PKNS agar berusaha dan sekurang-kurangnya cuba melengkapkan rumah-rumah ini dengan jubin seramik dan parket. Ini memandangkan, PKNS tidak menawarkan sebarang diskaun ke atas harga rumah.

Saya juga berasa hairan apabila maklumat terperinci seperti saiz bilik, ruang makan, ruang tamu, semua bilik tidur serta dapur tidak tercatat dalam risalah spesifikasi yang diedarkan oleh PKNS. Ini adalah amat berbeza dengan amalan pemaju swasta yang biasanya menyediakan risalah spesifikasi yang lengkap dan terperinci.

Sebagai sebuah badan kemajuan yang bertanggungjawab membawa kemajuan kepada rakyat, PKNS sepatutnya menjadi peneraju dan contoh terbaik kepada pemaju perumahan yang lain dalam menyediakan rumah yang berkualiti dan mampu dibeli oleh rakyat.

Tambahan pula, saya pasti bahawa RM155,000 bukanlah murah bagi sebuah rumah pajakan 99 tahun yang dibina oleh kerajaan. Jika PKNS sendiri menetapkan kadar keuntungan pada tahap yang tinggi, sudah tentu pemaju perumahan yang lain juga akan berbuat demikian.